

Enam persatuan hiburan buat laporan kepada KPDNHEP

Published on: Saturday, November 02, 2019



DARI kiri: Ronney G.Sigoh Ketua Biro Kebajikan mewakili Pertisa, Walter Francis Kimong (Bendahari Score), Ady (Pengerusi PABNS), Abdul Hasmi Husin (Timbalan Pengerusi PABNS), Asmin, Tony Francis Gitom (Pengerusi KDMFM), Raimon @ Matlan Sukudat (Pengerusi PPSRS), Chester Pang (Pengerusi SLAMPTEA) dan Ronney Ajim (Setiausaha Score).

DISEBABKAN timbul kesedaran dan perjuangan dalam bidang hiburan di Sabah, sebanyak enam persatuan hiburan mewakili anak seni antaranya komposer, penggiat filem/drama, pemilik lagu, penulis lirik, pemuzik serta penyanyi sebulat suara mengambil tindakan melaporkan kegiatan cetak rompak serta menjual lagu secara haram yang berleluasa kepada pihak berkuasa.

Jurucakapnya, Pengerusi Persatuan Komposer dan Pembikin Video Muzik Sabah (SCORE) Asmin Mudin berkata, kegiatan cetak rompak ini telah disedari dan dipantau oleh mereka sejak sekian lama.

"Persatuan-persatuan kami telah berbincang dan bersetuju untuk melaporkan kepada pihak berkuasa dan pihak kami telah mengumpulkan banyak bukti kes cetak rompak ini.

"Mereka bukan saja mencetak rompak lagu-lagu ciptaan kami malahan mengaut keuntungan yang lebih besar melalui penjualan lagu-lagu karaoke kami dalam bentuk cakera keras (hard disk) kepada orang awam.

"Kebanyakan lagu-lagu di dalam cakera keras itu adalah harta intelek sebahagian besar ahli yang ada di dalam persatuan kami termasuk lagu ciptaan saya sendiri," katanya.

Menurutnya lagi, persatuan-persatuan itu akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah untuk membanteras kegiatan yang dijalankan oleh individu tidak bertanggungjawab.

"Kegiatan menjual lagu-lagu karaoke dalam cakera keras kepada orang ramai didapati telah bermula sejak sekian lama dan sangat rancak dan berleluasa melalui promosi di laman media sosial seperti Facebook, Lazada, Mudah.com, aplikasi Whatsapp antara lain.

"Difahamkan, penjual akan mengirim cakera keras yang penuh dengan isian lagu kepada pembeli melalui pengangkutan awam, seperti bas.

"Harga yang dijual pula adalah dalam anggaran RM250 hingga RM450 bagi satu cakera keras mengikut jumlah isian lagu, kesannya ramai penggiat seni di Sabah terjejas akibat aktiviti tidak sihat ini," katanya.

Enam persatuan hiburan terlibat sama membuat aduan ialah Score, Persatuan Artis Tempatan Negeri Sabah (Pertisa), Persatuan Artis Bajau Negeri Sabah (Pabns), Sabah-Labuan Motion Picture Traders & Entertainment Association (Slamptea), Persatuan Penggiat Filem Muzik KDM Sabah (KDMFM) dan Persatuan Penggiat Seni Rungus Sabah (PPSRS).

"Aduan dibuat selaras dengan Akta Hak Cipta 1987 iaitu bagi melindungi pendapatan yang bakal diperolehi pencipta dan penerbit sesuatu karya.

"Jelas sekali perbuatan itu menyalahi undang-undang dan kami berharap individu yang tidak bertanggungjawab ini akan dibawa ke muka pengadilan dengan segera," kata Asmin.

